



**TERENGGANU DARUL IMAN  
TAMBAHAN PERUNDANGAN**

**AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976**

**Tr. P.U. 5/90  
UNDANG-UNDANG KECIL PASAR  
(MAJLIS DAERAH SETIU) 1988**

Tarikh penyiaran:  
Tarikh mula berkuatkuasa:

26 April 1990  
26 April 1990



TERENGGANU DARUL IMAN  
TAMBAHAN PERUNDANGAN  
AKTA KERAJAAN TEMPATAN 1976

Tr. P.U. 5/90  
UNDANG-UNDANG KECIL PASAR (MAJLIS DAERAH SETIU) 1988

Tarikh penyiaran:

26 April 1990

Tarikh mula berkuatkuasa:

26 April 1990

---

SUSUNAN UNDANG-UNDANG KECIL

---

Mukadimah

- Undang-undang Kecil 1. Nama, pemakaian dan tarikh berkuatkuasa.  
Undang-undang Kecil 2. Tafsiran.  
Undang-undang Kecil 3. Lesen bagi pasar persendirian.  
Undang-undang Kecil 4. Kehendak-kehendak di dalam bangunan yang dilesenkan untuk pasar persendirian.  
Undang-undang Kecil 5. Kehendak-kehendak untuk penjualan ikan dan daging.  
Undang-undang Kecil 6. Pembekalan air.  
Undang-undang Kecil 7. Kehendak-kehendak kebersihan.  
Undang-undang Kecil 8. Syarat-syarat pengeluaran lesen pasar persendirian.  
Undang-undang Kecil 9. Pelesenan penjual-penjual di pasar awam.  
Undang-undang Kecil 10. Mempamerkan lesen.  
Undang-undang Kecil 11. Pemilik gerai hendaklah hadir di gerai atau di petaknya.  
Undang-undang Kecil 12. Peruntukan tempat jualan.  
Undang-undang Kecil 13. Masa buka pasar awam.  
Undang-undang Kecil 14. Penggunaan air.

- Undang-undang Kecil 15. Mempamerkan tanda harga.  
Undang-undang Kecil 16. Mengembongkan daging.  
Undang-undang Kecil 17. Harga daging disembelih di rumah sembelih yang dilesenkan, dibenarkan dijual.  
Undang-undang Kecil 18. Penjualan makanan yang tidak berkhasiat adalah dilarang.  
Undang-undang Kecil 19. Tanggungjawab pemegang lesen atau penerima pajakan.  
Undang-undang Kecil 20. Pembersihan gerai-gerai.  
Undang-undang Kecil 21. Cucian harian gerai daging dan ikan.  
Undang-undang Kecil 22. Sekeliling gerai hendaklah dibersihkan.  
Undang-undang Kecil 23. Kebersihan pasar dan gerai.  
Undang-undang Kecil 24. Alat-alat dan makanan hendaklah dijaga.  
Undang-undang Kecil 25. Pembuangan sampah-sarap.  
Undang-undang Kecil 26. Halangan pengalihan dan penjualan.  
Undang-undang Kecil 27. Halangan longkang dan laluan.  
Undang-undang Kecil 28. Pelindung sinar matahari dan perubahan.  
Undang-undang Kecil 29. Larangan menggunakan kereta tolak yang beroda.  
Undang-undang Kecil 30. Kemasukkan kenderaan.  
Undang-undang Kecil 31. Api.  
Undang-undang Kecil 32. Menyalah gunakan gerai.  
Undang-undang Kecil 33. Kacau ganggu.  
Undang-undang Kecil 34. Larangan meminta sedekah dan mempamerkan luka.  
Undang-undang Kecil 35. Orang yang berpenyakit.  
Undang-undang Kecil 36. Gangguan alat-alat elektrik dan air.  
Undang-undang Kecil 37. Kuasa untuk memeriksa.  
Undang-undang Kecil 38. Kuasa untuk menghalau orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan.  
Undang-undang Kecil 39. Pemasangan dan penyambungan alat-alat elektrik.  
Undang-undang Kecil 40. Lesen dan bayaran.  
Undang-undang Kecil 41. Kecualian.  
Undang-undang Kecil 42. Penalti.

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

JADUAL KEEMPAT

## Mukadimah

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171], Majlis Daerah Setiu membuat, dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak berkuasa negeri mengesahkan Undang-Undang Kecil yang berikut:

### 1. Nama, pemakaian dan tarikh berkuatkuasa.

Undang-undang Kecil ini bolehlah dinamakan **Undang-Undang Kecil Pasar (Majlis Daerah Setiu) 1988** dan hendaklah dipakai untuk semua kawasan di dalam Majlis Daerah Setiu dan hendaklah bermula kuatkuasanya pada tarikh ianya disiarkan di dalam *Warta*.

### 2. Tafsiran.

Dalam Undang-Undang Kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain—

“gerai” termasuk petak;

“Majlis” ertinya Majlis Daerah Setiu;

“Pasar” ertinya sesuatu tempat awam yang biasanya digunakan untuk menjual haiwan atau daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran dan lain-lain barang makanan manusia yang mudah musnah dan termasuklah semua tanah dan premis yang digunakan dengan apa-apa cara bersama-sama, berkenaan atau bersangkutan dengannya;

“pasar awam” ertinya sebuah pasar yang dipunyai, dipajakkan atau diselenggarakan oleh Majlis;

“pasar persendirian” ertinya sebuah pasar yang lain daripada pasar awam dan termasuk pasar mini dan pasar raya;

“pemilik gerai” bagi pasar awam ertinya seseorang di dalam yang dilesenkan oleh Yang Dipertua untuk menjual di dalam pasar awam itu, dan bagi pasar persendirian ertinya seseorang yang dibenarkan oleh pemilik pasar tersebut menjual di dalam pasar itu dan di dalam kedua-dua keadaan termasuk seseorang yang menjaga gerai itu;

“petak” ertinya mana-mana kawasan yang telah ditetapkan dalam lingkungan pasar;

“Yang Dipertua” ertinya Yang Dipertua Majlis dan termasuk Timbalan Yang Dipertua.

### 3. Lesen bagi pasar persendirian.

Tiada seorang pun boleh mewujudkan, menjalankan atau memulakan pasar persendirian di mana-mana tempat, pegangan atau bangunan tanpa satu lesen yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua di bawah Undang-Undang Kecil ini.

### 4. Kehendak-kehendak di dalam bangunan yang di lesenkan untuk pasar persendirian.

Bangunan di mana pasar persendirian yang hendak diwujudkan dijalankan atau dimulakan mestilah mematuhi kehendak-kehendak berikut:

(a) Dinding mestilah disudahkan dengan permukaan yang licin yang boleh dengan senangnya dan dengan cepatnya dicuci tanpa anjuran atau penyudahan atau sudut yang berkemungkinan akan mengumpulkan debu.

(b) Lantai mestilah diperbuat dari bahan kuat dan tidak boleh ditelusi yang disudahkan dengan licin dan yang ditingkatkan supaya kesemua cecair boleh dengan mudahnya mengalir ke longkang.

(c) Longkang mestilah dibuat dengan batu bata dan digariskan dengan simen dengan separuh bulatan di bawah atau dengan separuh paip yang diperbuat dari tanah liat yang tidak boleh ditembusi dan mestilah berukuran tidak kurang dari 15.24 centimeter garis pusatnya dan mestilah mencukupi bilangannya dan carumannya sehingga membolehkan pengaliran semua air dan cecair-cecair yang lain. Longkang-longkang ini melainkan yang merintanggi kaki lima mestilah hanya ditutupi oleh papan yang boleh dialih atau bahan lain dan mestilah tidak ditutupi oleh benda-benda atau bahan-bahan lain yang berat. Tiada longkang atau paip untuk pengaliran air hujan yang lebat atau air mandi atau air najis atau benda kotor selain dari paip tanah yang dibuat dengan elok diletakkan melalui premis-premis.

(d) Lantai di tingkat atas mestilah dibina dengan elok dengan konkrit simen atau dengan papan lantai yang rapat dan dilurahkan atau di sebaliknya dihubungkan dengan serapat-rapatnya supaya tidak diresapi air.

## 5. Kehendak-kehendak untuk penjualan ikan dan daging.

(1) Di dalam mana-mana pasar persendirian di mana daging atau ikan dibelah, dicuci, dipotong, disimpan, dipamerkan atau ditunjukkan untuk dijual, dinding mestilah dibina sehingga tingginya 1.83 meter dari lantai dan mestilah dipermuakannya ditutupi dengan jubin putih yang gemerlap batu-bata yang gemerlap atau lain-lain bahan yang tidak boleh ditelusi yang diluluskan oleh Yang Dipertua.

(2) Semua meja, kaunter, bangku atau almari kaca untuk mempamerkan mana-mana daging atau ikan untuk dijual bolehlah ditutupi oleh batu marmar, jubin putih yang gemerlap atau kaca dan mestilah dibasuhkan dengan sabun dan air sekurang-kurangnya sekali dalam sehari.

(3) Semua meja, kaunter, bangku atau almari kaca untuk mempamerkan buah-buahan atau sayur-sayuran yang mentah untuk dijual mestilah dibasuhkan dengan sabun dan air sekali dalam sehari.

(4) Setiap penyangkut untuk menggantung mana-mana daging atau ikan yang dipamerkan untuk dijual mestilah dibelakangkan sekurang-kurangnya 1.067 meter dari serambi atau kaki lima dan mestilah ditukarkan apabila diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

(5) Buah-buahan, sayur-sayuran atau lain-lain barang makanan manusia yang mudah musnah, mestilah tidak boleh dipamerkan untuk dijual di atas meja kaunter atau bangku yang sama yang telah dikhaskan untuk daging atau ikan.

(6) Peti air batu yang bentuknya diluluskan mestilah dipasangkan jika diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

## 6. Pembekalan air.

Di dalam mana-mana pasar persendirian pemegang lesen hendaklah menjaminkan bahawa—

(a) Sentiasa ada di atas premis bekalan air yang bersih dan baik dari pembekalan air awam;

(b) Di tempat-tempat yang tidak ada air paip, air perigi yang disahkan bersih dan baik oleh pegawai Kesihatan bolehlah digunakan.

## 7. Kehendak-kehendak kebersihan.

Pemegang lesen sesuatu pasar persendirian hendaklah mematuhi keperluan-keperluan berikut:

(a) Dia hendaklah menyebabkan segala sampah-sarap dan kotoran dipungut dan diisikan di dalam bekas yang bertudung yang dibekalkan untuk maksud itu dan bekas-bekas itu dikosongkan dan dicuci sebanyak kali yang diperlukan untuk menjadikan premis pada setiap masa bersih dan baik, tetapi tidak kurang dari sekali sehari.

(b) Dalam masa-masa tertentu seperti yang boleh diarahkan oleh Pegawai Kesihatan, dia hendaklah menyebabkan semua barang mudahalih dipindahkan dari premis yang dilesenkan dan dinding, lantai, siling dan bumbung dibersihkan dan segala kotoran dan sampah-sarap dibuang, dan keseluruhan premis dengan gan lengkap dicuci, dicat atau dibasuh dengan gan kapur dan kesemua pembaikan yang perlu hendaklah dilakukan terhadap premis itu.

(c) Dia hendaklah menyebabkan semua makanan yang dimaksudkan untuk dijual disimpan di dalam keadaan yang bersih dan dijaga dengan berkesannya dari lalat, vermin, seranggan, debu, lumpur atau benda-benda, bahan-bahan atau barang-barang lain yang merbahaya.

(d) Dia hendaklah menyebabkan semua perkakas yang digunakan di premis di dalam keadaan yang bersih dan bebas dari keladok atau penjangkitan yang merbahaya.

(e) Dia hendaklah menjaminkan tiada alat tilam atau bantal atau pakaian ada digantung atau disimpan di mana-mana bahagian premis itu.

## 8. Syarat-syarat pengeluaran lesen pasar persendirian.

(1) Yang Dipertua boleh mengeluarkan lesen-lesen untuk mewujudkan, menjalankan atau memulakan pasar-pasar persendirian mengikut apa-apa had dan syarat yang difikirkan patut olehnya.

(2) Dengan tidak menyentuh keluasan perenggan (1), Yang Dipertua boleh mengenakan apa-apa had dan syarat berkenaan-

(a) Bilangan maksimum gerai-gerai, petak-petak atau lot-lot yang boleh diwujudkan atau dibahagikan di dalam pasar persendirian itu;

(b) Kedudukan di dalam kawasan lengkungan pasar persendirian itu di mana gerai-gerai atau petak-petak boleh diwujudkan atau ditandakan;

(c) Jenis makanan yang dimasak atau yang mentah, minuman atau barang-barang yang dijual atau hendak dijual di tiap-tiap bahagian atau sebahagian pasar persendirian; dan

(d) Apa-apa kehendak-kehendak yang lain, yang difikirkan perlu oleh Yang Dipertua.

#### 9. Pelesenan penjual-penjual di pasar awam.

(1) Tiada seorang pun di dalam mana-mana pasar awam boleh menjual atau mempamerkan atau menyimpan untuk dijual binatang-binatang atau daging, ikan, ternakan, buah-buahan, sayur-sayuran, atau benda-benda makanan manusia yang mudah musnah atau apa-apa pakaian, barang-barang dagangan atau apa-apa barang lain kecuali di dalam gerai atau petak yang mana ia telah diberi satu lesen oleh Yang Dipertua.

(2) Yang Dipertua hendaklah menyelenggarakan satu Daftar mengandungi butir-butir yang berkaitan mengenai orang-orang yang telah diberikan lesen-lesen untuk gerai-gerai atau petak-petak di dalam pasar awam.

#### 10. Mempamerkan lesen.

Pemegang lesen—

(a) Sesebuah pasar persendirian hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di suatu tempat yang senang dilihat di dalam premis itu;

(b) Sesebuah gerai di pasar awam hendaklah pada setiap masa mempamerkan lesennya di suatu tempat yang senang dilihat di gerai itu;

(c) Sesebuah petak gerai di pasar awam hendaklah pada setiap masa menyimpan lesen atas dirinya atau di suatu tempat yang membolehkannya menunjuk lesen itu bila diminta.

#### 11. Pemilik gerai hendaklah hadir di gerai atau di petaknya.

(1) Pemilik gerai di mana-mana pasar awam hendaklah pada setiap masa berada dan menjalankan atau mengawasi penjualan di gerainya atau petaknya kecuali tidak dapat berbuat demikian oleh sebab-sebab yang munasabah.



(2) Pemilik gerai di mana-mana pasar awam boleh, dengan kebenaran bertulis dari Yang Dipertua mengambil kerja seorang pembantu yang mana nama serta gambarnya hendaklah ditampal di lesen di bawah nama dan gambar pemegang lesen.

(3) Jika seseorang pemilik gerai di mana-mana pasar awam meninggalkan gerai atau petaknya untuk tempoh selama tiga puluh hari atau lebih, di hendaklah melantik seorang pengganti tempat-tempat dengan kebenaran bertulis dahulu dari Yang Dipertua.

(4) Yang Dipertua tidak boleh, melainkan di dalam keadaan-keadaan yang difikirkan patut, memberi apa-apa kebenaran di bawah peruntukan-peruntukan perenggan (3) bagi tempoh yang melebihi tiga bulan.

(5) Bayaran sebanyak \$5.00 hendaklah dibayar oleh pemilik gerai untuk kebenaran melantik seorang pengganti.

(6) Tiada seorang pemilik gerai di mana-mana pasar awam boleh menyerahkan, memajak, memberi sewa atau memberi sewa kecil gerainya.

## 12. Peruntukan tempat jualan.

Yang Dipertua, di dalam hal pasar awam, dan pemegang lesen, dalam hal pasar persendirian, boleh menguntukkan bahagian-bahagian atau sebahagian tempat yang berlainan di pasar awam atau pasar persendirian, mengikut mana yang berkenaan untuk penjualan berbagai-bagai makanan yang dimasak atau yang mentah, minuman, barang-barang atau denda-denda, dan tiada seorang pun boleh mempamerkan untuk penjualan atau menjual apa-apa makanan, minuman, barang-barang atau denda-denda selain daripada di tempat atau bahagian yang telah diuntukkan bagi maksud itu.

## 13. Masa buka pasar awam.

Pasar awam hendaklah dibuka diwaktu-waktu sebagaimana diarahkan oleh Yang Dipertua, dan kecuali dengan kebenaran khas oleh Yang Dipertua, tiada seorang pun boleh berada di pasar awam di waktu-waktu pasar itu ditutup.

## 14. Penggunaan air.

(1) Di mana pembekalan air diperuntukkan di pasar awam, tiada seorang pun dibenarkan menyebabkan pembaziran air dan setiap orang hendaklah mematuhi

arahan-arahan terhadap penggunaan air yang diberikan oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberikuasa olehnya secara bertulis.

(2) Tiada seorang pun pemilik gerai atau mana-mana orang yang berhubung dengan penjualan makanan atau minuman boleh menyediakan untuk minuman atau digunakan untuk memasak atau membasuh atau untuk apa-apa tujuan lain yang berhubung dengan perniagaannya mana-mana air dari mana-mana saluran atau sumber-sumber yang lain di dalam kawasan kemudahan awam atau persendirian atau tandas.

#### 15. Mempamerkan tanda harga.

Setiap pemilik gerai hendaklah mempamerkan dengan cara yang mudah kelihatan di gerainya tanda-tanda harga untuk setiap barang yang dipamerkan untuk dijual.

#### 16. Mengembongkan daging.

Tiada seorang pun boleh memasukkan air atau cecair lain ke dalam mana-mana daging yang dimaksudkan untuk dijual mahupun mengembongnya dengan angin, dan tiada seorang pun boleh menjual atau menawarkan atau mempamerkan untuk dijual atau menyebabkan terjadi satu tawaran atau pameran mana-mana daging yang dikembongkan dengan angin atau di mana air atau cecair lain telah dimasukkan.

#### 17. Hanya daging disembelih di rumah sembelih yang dilesenkan, dibenarkan dijual.

Kecuali rusa atau binatang-binatang liar yang lain, tiada seorang pun boleh menjual atau mempamerkan untuk dijual atau menyebabkan dijual atau ditawarkan atau dipamerkan untuk dijual mana-mana bahagian dari apa-apa binatang yang telah disembelih di tempat lain selain daripada rumah sembelih awam atau rumah sembelih yang telah dilesenkan.

#### 18. Penjualan makanan yang tidak berkhasiat adalah dilarang.

(1) Tiada seorang pun boleh mempamerkan untuk jualan atau menjual di mana-mana pasar apa-apa barang makanan manusia atau minuman yang tidak berkhasiat.

(2) Yang Dipertua atau Pegawai Kesihatan atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis oleh Yang Dipertua boleh mengira, menyelidik dan memeriksa mana-mana binatang, burung, daging, ikan, buah-buahan, sayur-sayuran, atau barang-barang makanan atau minuman lain yang tidak baik, berkhasiat atau yang tidak sesuai untuk makanan manusia. Jika pada pendapat Pegawai Kesihatan barang-barang yang disitu patut dimusnahkan maka barang-barang itu hendaklah dimusnahkan dengan sertamerta.

(3) Satu resit hendaklah dikeluarkan untuk barang-barang yang dirampas di bawah perenggan (2), dan resit itu mestilah diberi kepada orang yang barang-barang dirampas, atau jika orang itu tidak boleh dikesan, mestilah ditinggal di tempat perampasan itu.

(4) Di mana barang-barang dimusnahkan di bawah perenggan (2), satu siji pemusnahan mestilah dibuat dan satu salinannya mestilah diberi, atas permintaan, kepada sesiapa yang mengaku dirinya pemunya atau pemilik barang-barang itu semasa perampasan, kecuali ada sebab-sebab baik yang mana pengakuan itu tidak boleh dipercayai.

#### 19. Tangungjawab pemegang lesen atau penerima pajakan.

(1) Pemegang lesen mana-mana pasar persendirian atau, di dalam hal di mana pasar awam atau mana-mana bahagiannya dipajakkan, penerima pajakan pasar awam, hendaklah mengambil kerja sebilangan orang yang mencukupi untuk membersihkan dan menjaga pasar menjadi bersih sehingga memuaskan Yang Dipertua.

(2) Penerima pajakan pasar awam hendaklah bertanggungjawab ke atas segala kerosakan kepada atau kehilangan ke atas mana-mana harta Majlis di dalam pasar itu.

#### 20. Pembersihan gerai-gerai.

Pemilik setiap gerai hendaklah menjaganya menjadi bersih dan di dalam keadaan yang baik, dan pada satu hari di dalam satu-satu minggu yang akan ditetapkan oleh Yang Dipertua, pemilik gerai hendaklah mengalih semua barang-barang atau benda-benda kepunyaan mereka dari gerai dan hendaklah mencuci gerai secukup-secukupnya.

**21. Cucian harian gerai daging dan ikan.**

Setiap peniaga ikan dan daging di pasar awam hendaklah membasuh dan mencuci dengan bersungguh-sungguh gerai, blok gerai, papan gerai serta semua alat-alat dan perkakas-perkakas kepunyaannya sekurang-kurangnya sekali sehari dan hendaklah menjaga semuanya ini di dalam keadaan bersih dan bebas dari kekotoran dan kuman.

**22. Sekeliling gerai hendaklah dibersihkan.**

Setiap pemilik gerai di pasar awam hendaklah menjaga mana-mana jalanraya, lorong atau kawasan yang berhampiran di hadapan, belakang atau di sebelah gerai atau petaknya di dalam keadaan bersih yang memuaskan Yang Dipertua.

**23. Kebersihan pasar dan gerai.**

Setiap pemilik gerai di dalam pasar awam atau pasar persendirian hendaklah menjaga bangsal, gerai, kandang ternakan atau tempatnya dan kawasan sekitarnya di dalam keadaan yang bersih dan bebas dari kekotoran dan kuman.

**24. Alat-alat dan makanan hendaklah dijaga.**

Setiap pemilik gerai hendaklah—

- (a) menyimpan semua makanan, samaada yang telah atau yang belum dimasak di dalam keadaan yang bersih dan menyihatkan supaya benda ini tidak akan diinggapi oleh lalat, vermin, serangga, debu, lumpur atau lain benda, barang atau bahan yang merbahaya;
- (b) membungkus semua makanan untuk pembeli-pembeli dengan kertas atau bahan lain yang bersih dan bebas dari apa-apa kekotoran;
- (c) menjaga semua alat-alat dan perkakas-perkakas yang digunakan berhubung dengan perniagaannya dengan bersih dan bebas dari apa-apa kekotoran;
- (d) memelihara diri dan pakaian di dalam keadaan yang bersih; dan
- (e) mengecat gerainya seperti yang diarahkan oleh Pegawai Kesihatan.

## 25. Pembuangan sampah-sarap.

(1) (a) Setiap pemilik gerai hendaklah mengadakan dan menjaga di dalam keadaan yang baik mengenai gerainya beberapa bilangan tempat buangan sampah yang elok dan yang bertutup yang mana bentuk dan bahannya diluluskan oleh Yang Dipertua.

(b) Tiada pemilik gerai atau orang lain boleh mengumpul atau menyebabkan atau membenarkan pengumpulan apa-apa sampah, kotoran, sampah-sarap atau benda atau bahan yang dibuang olehnya dimerata tempat selain dari di dalam tempat membuang sampah.

(c) Semua kotoran yang busuk dan mudah reput atau yang pejal hendaklah diisikan di dalam beg plastik atau lain-lain bekas yang ringan sebagaimana yang dibenarkan oleh Yang Dipertua, sebelum ianya dikumpulkan di dalam tempat membuang sampah.

(d) Setiap pemilik gerai hendaklah menentukan yang kesemua sampah-sarap yang dihimpun semasa di dalam perjalanan perniagaannya dikumpulkan dari semasa ke semasa di dalam tempat membuang sampah awam yang disediakan bagi maksud itu.

(e) Tiada seorang pemilik gerai boleh menyebabkan atau membenarkan dikumpul, ditumpah, ditabur atau dibuang, apa-apa darah, air masin, sisa cecair atau lain-lain bahan yang mengeluarkan bau busuk, ke dalam mana-mana longkang atau di atas mana-mana lantai pasar melainkan di tempat-tempat yang dikhaskan untuk tujuan itu oleh Yang Dipertua.

(2) Jika di dalam mana-mana tindakan kerana melanggar perenggan kecil (b) Undang-Undang kecil ini dibuktikan bahawa apa-apa sampah, kotoran, sampah-sarap atau denda atau bahan lain tidak dikumpulkan di dalam tempat membuang sampah tetapi di dalam atau di atas mana-mana laluan, longkang, halaman atau lain tempat yang berhampiran di hadapannya, di belakang atau di tepi sebuah gerai atau petak, ia hendaklah dianggap, melainkan dibuktikan sebaliknya, iaitu yang sama telah dikumpulkan di dalam atau di atas di situ oleh atau dengan kebenaran oleh pemegang gerai di mana gerai atau petaknya yang terletak paling dekat dengan sampah, kotoran, sampah-sarap atau denda atau lain bahan itu.

## 26. Halangan pengalihan dan penjualan.

(1) Tiada seorang pemilik gerai di mana-mana pasar awam boleh-

(a) Menempatkan, mendirikan atau meletakkan gerainya atau petaknya melebihi kawasan yang telah ditentukan untuknya dan tiada ebek atau penutup boleh melebihi 30 centimeter dari gerai atau petak;

(b) Menyebabkan atau membenarkan apa-apa barangnya, barang dagangannya atau lain-lain benda, perkakas-perkakas atau benda-benda yang berkaitan dengan perniagaannya dikumpulkan, dipamerkan untuk dijual di atas mana-mana tangga, ruang lorong atau jalan, atau jalan di dalam pasar itu, atau di atas atau melindungi mana-mana longkang atau sebahagian darinya di dalam pasar itu;

(c) Menyebabkan atau membenarkan barang dagangan, barang atau denda-denda yang lain, perkakas-perkakas atau denda yang berkaitan dengan perniagaannya terkeluar melebihi had gerai atau petak yang telah ditentukan untuknya;

(d) Menyebabkan apa-apa halangan di dalam mana-mana pasar atau mana-mana jalan, lorong atau jalan masuk ke mana-mana pasar dengan apa-apa kenderaan, barang-barang, kotak, bakul, kereta sorong beroda satu atau benda-benda yang lain;

(e) Mendirikan apa-apa kotak, rak, para atau lain-lain binaan di atas gerai atau petaknya yang tinggi melebihi 2.4 meter dari paras tanah atau menimbun atau melonggok barang-barang, kotak-kotak, bakul-bakul bungkusan-bungkusan atau lain barang di atas gerai atau petak melebihi had tinggi itu.

(2) Mana-mana pegawai penguatkuasa atau mana-mana orang yang diberi kuasa secara bertulis bagi maksud itu oleh Yang Dipertua boleh mengalihkan apa-apa benda yang menyebabkan penghalangan dan juga boleh merombak apa-apa binaan yang menyalahi Undang-Undang Kecil ini.

(3) (a) Benda-benda yang dialih boleh diletakkan di bawah jagaan Majlis dan pemunya atau pemunya-pemunya benda-benda itu boleh dalam tempoh 21 hari dari tarikh pengalihan itu, menuntut milik benda itu daripada Yang Dipertua setelah dibayar kepada Yang Dipertua belanja pengalihan dan menjaga benda itu.

(b) Tiap-tiap bayaran yang diterima di bawah perenggan kecil (a) perenggan (3) hendaklah dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Majlis Daerah Setiu dan suatu resit rasmi hendaklah dikeluarkan kepada orang yang daripadanya bayaran diterima.

(4) Yang Dipertua boleh pada bila-bila masa, menjualkan benda-benda yang dialih itu jika benda itu ialah dari jenis yang tidak tahan lama dan di dalam lain-lain hal selepas tempoh 21 hari dan hasilan dari penjualan itu hendaklah dipulangkan kepada pemunya atau pemunya-pemunya dengan ditolak belaja yang tersebut di dalam perenggan kecil (a) perenggan 3 Undang-Undang Kecil ini; dan jika sekiranya pemunya benda itu tidak dapat dipastikan, hasilan yang disebutkan itu boleh dikreditkan kepada hasilan Majlis ini selepas 3 bulan dari tarikh penjualan itu.

(5) Yang Dipertua atau Majlis tidaklah bertanggungjawab ke atas apa-apa kerosakan yang berlaku kepada benda itu dalam masa pengalihannya dan juga semasa di dalam jagaan pihak Majlis.

### 27. Halangan longkang dan laluan.

Tiada seorang pun boleh mempamerkan apa-apa barang untuk dijual di atas laluan di atas mana-mana longkang di dalam kawasan pasar, dan tiada papan, kotak, bakul atau apa-apa barang lain boleh ditinggalkan di dalam, di atas atau merintanginya mana-mana parit atau laluan itu.

### 28. Pelindung sinar matahari dan perubahan.

Tiada seorang pun boleh membina apa-apa pelindung sinar matahari, dinding, atau sekatan atau membuat apa-apa perubahan atau tambahan terhadap mana-mana gerai tanpa satu kebenaran bertulis dari Yang Dipertua.

### 29. Larangan menggunakan kereta tolak yang beroda.

Tiada seorang pun boleh menggunakan kereta tolak atau troli dengan roda besi untuk tujuan menggangkut barang-barang di dalam mana-mana pasar awam.

### 30. Kemasukkan kenderaan.

Tiada seorang pun boleh memandu mana-mana kenderaan berinjin atau membawa mana-mana basikal ke dalam mana-mana pasar awam kecuali dibenarkan secara bertulis oleh Yang Dipertua.

### 31. Api.

(1) Tiada api boleh dinyalakan atau memasak atau merebus boleh dilakukan di dalam mana-mana pasar, kecuali di tempat-tempat yang ditentukan oleh Yang Dipertua dan tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan olehnya.

(2) Tiada boleh membuang bulu ayam, itek di mana-mana pasar, kecuali di tempat atau tempat-tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Yang Dipertua tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan olehnya.

### 32. Menyalah gunakan gerai.

Tiada seorang pun boleh duduk, berdiri, berbaring atau tidur di mana-mana gerai di dalam mana-mana pasar.

### 33. Kacau ganggu.

Tiada seorang pun di dalam pasar boleh—

- (a) Melakukan kacau ganggu;
- (b) Meludah di atas lantai, gerai atau lain-lain bahagian pasar;
- (c) Membuang mana-mana sayur, bahan binatang, sisa-sisa, sampah-sarap atau benda atau barang lain yang mengeluarkan bau di atas mana-mana gerai, jalanraya, laluan, tangga-tangga atau mana-mana bahagian pasar kecuali ke dalam tempat atau bekas membuang sampah;
- (d) Memelihara anjing atau binatang-binatang peliharaan, atau membawa masuk ke dalam pasar anjing atau binatang peliharaan yang diikatkan atau tidak, atau dengan sengaja membiarkan atau membenarkan anjing atau binatang peliharaan mengikutnya ke dalam pasar.

### 34. Larangan meminta sedekah dan mempamerkan luka.

Tiada seorang di dalam pasar boleh meminta sedekah atau meminta derma atau mempamerkan atau menunjukkan apa-apa luka, kecederaan, penyakit di badan atau kecacatannya. Pegawai-pegawai Majlis hendaklah mengusir orang-orang ini dari pasar itu dan tiada seorang punyang sedemikian keadaannya boleh menjalankan atau membantu di dalam apa-apa perniagaan di dalamnya.



**35. Orang yang berpenyakit.**

Tiada seorang yang mengidap mana-mana jangkitan atau penyakit yang berjangkit boleh menjalankan apa-apa penjualan di dalam mana-mana pasar; dan mana-mana orang yang sedemikian hendaklah apabila dikehendaki berbuat demikian oleh Pegawai Kesihatan, menghadirkan diri untuk satu pemeriksaan kesihatan.

**36. Gangguan alat-alat elektrik dan air.**

Tiada seorang boleh merosakkan atau mengganggu mana-mana alat elektrik dan air di dalam mana-mana pasar awam.

**37. Kuasa untuk memeriksa.**

Tiada seorang boleh menghalang mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh Yang Dipertua daripada memasuki atau memeriksa mana-mana bahagian pasar pada bila-bila masa yang munasabah.

**38. Kuasa untuk menghalau orang yang melanggar peraturan dan menamatkan pajakan.**

Yang Dipertua boleh menghalau atau menyebabkan terhalaunya dari mana-mana pasar awam mana-mana orang atau pekerja-pekerjanya yang disabitkan dengan mana-mana kesalahan atau yang tidak mematahui mana-mana Undang-Undang Kecil mengenai pasar dan boleh melarang orang-orang itu atau pekerjanya dari menjalankan apa-apa perniagaan atau apa-apa tred seterusnya atau menguni mana-mana gerai, kedai atau lain-lain tempat di dalamnya, dan boleh menamatkan mana-mana pajakan atau pemilikan yang dipunyainya mengenai apa-apa gerai, kedai atau lain-lain tempat.

**39. Pemasangan dan penyambungan alat-alat elektrik.**

Tiada alat-alat atau penyambungan elektrik boleh dipasang atau disambung oleh pemilik gerai di pasar awam tanpa terlebih dahulu mendapat satu kebenaran bertulis dari Yang

Dipertua. Pemilik gerai hendaklah menanggung kesemua perbelanjaan pemasangan-pemasangan wayer atau penyambungan itu.

#### 40. Lesen dan bayaran.

- (1) Lesen yang dikeluarkan oleh Majlis hendaklah seperti di dalam Jadual Pertama tetapi ianya boleh boleh diubahsuai jika perlu.
- (2) Bayaran yang kena dibayar untuk suatu lesen di dalam pasar awam untuk sebuah gerai lot kedai adalah seperti di dalam Jadual Kedua.
- (3) Bayaran yang kena dibayar untuk suatu lesen bagi sebuah pasar persendirian adalah seperti di dalam Jadual Ketiga.
- (4) Bayaran yang kena dibayar oleh penjual-penjual di pasar awam hendaklah seperti di dalam Jadual Keempat.
- (5) Semua wang yang dipungut di bawah Undang-Undang Kecil ini hendaklah dimasukkan dan menjadi sebahagian daripada Kumpulan Wang Majlis Daerah Setiu.

#### 41. Kecualian.

Walau apapun peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil ini, apa-apa lesen yang dikeluarkan di bawah peruntukan-peruntukan Undang-Undang Kecil yang terdahulu hendaklah terus berkuatkuasa sehingga luput atau dimansuhkan oleh Yang Dipertua.

#### 42. Penalti.

Seseorang yang melanggar mana-mana Undang-Undang Kecil ini atau mana-mana syarat di dalam sesiapa lesen atau mana-mana notis atau perintah Yang Dipertua adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan, bolehlah dikenakan denda tidak lebih dari dua ribu ringgit atau penjara selama tempoh tidak lebih daripada satu tahun atau kedua-dua denda dan penjara dan, di dalam hal kesalahan yang berlanjutan, denda yang tidak melebihi dua ratus ringgit bagi setiap hari kesalahan itu berterusan dilakukan selepas sabitan.

JADUAL PERTAMA  
(Undang-Undang Kecil 40 (1))  
MAJLIS DAERAH SETIU

LESEN

LESEN:

BIL LESEN:

NAMA:

NO K/P:


TEMPAT YANG DILESENKAN:

TEMPOH:

HINGGA:

SYARAT: Lesen ini dikeluarkan tertakluk kepada syarat-syarat berkembar.

Yang Dipertua,  
Majlis Daerah Setiu



GAMBAR

BAYARAN LESEN \$

LAIN-LAIN BAYARAN \$

BAYARAN PATIL \$

JUMLAH \$ \_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

RESIT

TARIKH

NO. RESIT

KOD

JUMLAH

JADUAL KEDUA  
(Undang-Undang Kecil 40(2))  
BAYARAN LESEN DI PASAR AWAM  
(SETAHUN)

A. GERAJ PASAR

	Sayur Basah	Buah-Buahan	Ikan Basah	Ayam Itek (daging)	Daging Kerbau lembu	Makanan Masak	Barang-barang dalam tin dan rempah	Parut Kelapa	Lain-lain
Pasar Bandar Permaisuri	\$18.00	\$18.00	\$18.00	\$23.00	\$23.00	\$10.00	\$18.00	\$15.00	Tidak lebih dari \$30.00

JADUAL KETIGA

(Undang-Undang Kecil 40(3))

BAYARAN LESEN BAGI SEBUAH PASAR PERSENDIRIAN

Jenis Pasar	Kadar
1. Pasar Raya	Tidak lebih \$200.00 setahun.
2. Pasar Mini	Tidak lebih \$100.00 setahun.

## JADUAL KEEMPAT

(Undang-Undang Kecil 40 (4))

### KADAR BAYARAN YANG KENA DIBAYAR OLEH PENJUAL-PENJUAL DI PASAR AWAM

<i>Jenis Penjualan dan Tempat</i>	<i>Kadar Bayaran Yang Dikenakan</i>
<b>1. BUAH-BUAHAN</b>	
(a) Durian tiap-tiap 100 biji	\$2.40 sehari atau sebahagian daripadanya.
(b) Buah kelapa dan labu tiap-tiap 100 biji	\$1.00 - sama -
(c) Buah nenas, nangka, cempedak dan tembikai tiap-tiap 100 biji	\$2.00 - sama -
(d) Buah-buahan kecil seperti rambutan, limau, anggur, manggis dan ciku, tiap-tiap sebukul buloh (jog), sekarung, atau seguni gandum	\$ 0.50 - sama -
<b>2. MELELONG / JUAL LAMBAK</b>	
(a) Barang-barang khas seperti melelong dengan menggunakan pembesar suara bagi keluasan 10' x 6' (60' persegi)	\$ 2.00 - sama -
(b) Tambahan kepada 2 (a) bagi tiap-tiap 10' persegi	\$ 0.20 - sama -
(c) Barang-barang khas seperti melelong dengan tiada menggunakan pembesar suara bagi keluasan 10' x 6' (60' persegi)	\$ 1.60 - sama -
(d) Barang-barang khas seperti plastic atau berbagai-bagai jenis peralatan dapur bagi keluasan tiap-tiap 8' x 5' (40' persegi)	\$ 1.00 - sama -
(e) Tambahan kepada 2 (d) tiap-tiap 10' persegi	\$ 0.20 - sama -
(f) Barang-barang khas seperti pakaian, kain bagi keluasan 8' x 5' (40' persegi)	\$ 1.00 - sama -
(g) Tambahan kepada 2 (f) ialah tiap-tiap 10' persegi	\$ 0.20 - sama -

- (h) menjual ubat menggunakan pembesar suara \$ 1.00 - sama -
- (i) Menjual ubat secara biasa (tanpa mengguna pembesar suara) \$ 0.50 - sama -
- (j) Menjual barang-barang runcit menggunakan keluasan 5' x 4' (20' persegi) \$ 0.50 -sama -
- (k) Tambahan 2 (j) tiap-tiap (10' persegi) \$ 0.20 - sama -
- (l) Menjual sayur-sayuran yang menggunakan keluasan 5' x 4' (20' persegi) \$ 0.50 - sama -
- (m) Tambahan kepada 2 (l) tiap-tiap 10' persegi \$ 0.20 - sama -

### 3. JUALAN AYAM / DAGING

- (a) Jualan ayam daging menggunakan keluasan 5' x 4' (20' persegi) \$ 1.00 - sama -
- (b) Tambahan kepada 3 (a) luas tiap-tiap 10' persegi \$ 0.20 - sama -
- (c) Jualan daging di atas bangku dalam pasar atau luar bangunan pasar \$ 1.00 - sama -

### 4. JUALAN KELAPA PARUT

- (a) Jualan kelapa parut yang menggunakan sebuah mesin dan bangku untuk keluasan 5' x 4' (20' persegi) \$ 0.50 - sama -

5. (a) Ketetapan bayaran bagi mana-mana jualan lain jika berbangkit akan dibuat oleh Yang Dipertua, Majlis Daerah Setiu.

(b) Segala bayaran kerana penggunaan api letrik dan bekalan air untuk mesin ayam dan mesin kelapa adalah tanggungan peniaga.

Diperbuat oleh Majlis Daerah Setiu di dalam Mesyuarat pada 16 April 1989.  
[MDS. 3 / 6 / 5 - (2)].

DATO' HAJI TENGGU MAHMUD BIN MANSOR,  
*Yang Dipertua,*  
*Majlis Daerah Setiu*

Disahkan oleh Pihak Berkuasa Negeri di dalam mesyuarat pada 18 November 1989.  
[SUK. TR. 1200/350/1; PUN. TR. 70 Bhg. 4]

OSMAN BIN MUDA,  
*Setiusaha,*  
*Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri*  
*Terengganu*